



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI KAFE SIBER

1. Tiada sebarang minuman keras, rokok atau seumpamanya boleh dijual atau dihidangkan kepada pengunjung pelanggan.
2. Sebarang gambar / bahan berunsur lucah tidak dibenarkan dipamer di mana-mana bahagian premis.
3. Tidak dibenarkan mempamer/ memberi laluan apa jua bahan berunsur lucah atau lain-lain perkara yang dilarang dari segi undang-undang melalui internet/ computer dalam premis.
4. Tiada sebarang bentuk perjudian melalui internet atau lain-lain bentuk permainan yang menjurus kepada perjudian atau pertaruhan di premis kafe siber yang menyalahi undang-undang.
5. Perkhidmatan untuk pengunjung-pengunjung di bawah umur 18 tahun dihadkan sehingga jam 10.00 malam sahaja.
6. Aktiviti perniagaan kafe siber diberikan setakat jam 1.00 pagi sahaja.
7. Pengusaha kafe siber hendaklah memastikan tiada dadah, senjata-senjata merbahaya, pil ecstasy dan lain-lain jenis barang yang merbahaya boleh dibenarkan dibawa masuk ke dalam premis.
8. Pengusaha kafe siber hendaklah memastikan tiada kacau ganggu seperti bunyi bising dan lain-lain boleh dilakukan oleh pelanggan atau pengunjung.
9. Pencahayaan dalam premis mestilah dalam keadaan terang.
10. Komputer hendaklah ditempatkan dalam ruang terbuka yang tidak berbilik dan berpintu. Ruang computer tidak dibenarkan bercampur aduk dengan aktiviti permainan lain.
11. Pelanggan-pelanggan di premis hendaklah berpakaian kemas dan sopan.
12. Notis pemberitahuan (syarat-syarat kegunaan/ peraturan kafe siber) hendaklah dipamerkan pada pintu masuk premis.
13. Pengusaha kafe siber hendaklah mematuhi syarat-syarat dan syarat lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil dan lesen akan ditarik balik atau ditamatkan.

Jabatan Pelesenan Dewan Bandaran MyPEC

Tingkat 22 Menara Safuan,
No. 80 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-20723802
No. Faks: 03-20723804